

Banjir di Johor semakin pulih ^{UM} 7/1/0

JOHOR BAHRU 6 Jan. - Keadaan banjir di Johor pada keseluruhannya semakin pulih, dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan sehingga 7 petang ini menurun kepada 18,055 berbanding 19,013 pada sebelah pagi.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor berkata daripada jumlah itu, 17,731 mangsa berada di 57 pusat pemindahan di Batu Pahat, 208 orang di Muar dan 116 orang di Segamat.

Jalan Seri Medan iaitu dari Kampung Seri Medan ke Parit Warijo dan Jalan Seri Pasir, masih ditutup kepada kenderaan ringan.

Jumlah korban akibat banjir di negeri ini masih kekal sebanyak 15 kematian dengan tiada sebarang laporan baru diterima.